TOPIK 1

Sistem Bahasa

BAHAGIAN A Soalan Objektif

Praktis 1

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling sesuai.** Morfologi Aras R

1 Encik Lim dinaikkan pangkat setelah lapan tahun _____ berkhidmat di Syarikat Maju Sejahtera Sendirian Berhad.
A dia
B beliau
C kalian
D mereka

2

Jalan itu _____ menjelang tengah malam.
A sarat
B kosong
C sibuk
D lengang

3 Azril menampalkan poster itu _____ papan kenyataan sekolah.
A ke
B pada
C kepada
D dengan

4 Fahmi menyimpan _____ itu semula selepas menggunakannya untuk mengukur sudut tepat.
A jejari **C** tetupai
B sesiku **D** kekuda

5 "Tindakan _____ akan dikenakan terhadap mana-mana pekerja yang melanggar peraturan syarikat," kata Encik Manan.
A tatatertib **C** tatarakyat
B tatalaku **D** tatanegara

6 _____ murid mesti melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum.
A Sesetengah **C** Seluruh
B Setengah **D** Semua

7 Tangan Sarah melecur _____ terkena cerek panas.
A hingga **C** bahawa
B supaya **D** kerana

8

Puan Linda gemar _____ baju bayi pada masa lapang.
A mengait
B menenun
C menyulam
D menganyam

9 _____ berani kamu menipu saya!
A Eh
B Oh
C Cis
D Amboi

LIVEWORKSHEETS

10 Isu penggunaan bahasa rojak dalam kalangan remaja di negara kita telah dibahaskan oleh para _____.

A cendekiawan
B hartawan
C wartawan
D jutawan

11

Puan Nurul dan anaknya _____ sebelum berpisah.

A berhambat-hambatan
B beriring-iringan
C berpandang-pandangan
D berdakap-dakapan

12 Ibu berasa amat _____ akan keselamatan abang yang sudah dua hari tidak pulang ke rumah.

A malu
B takut
C curiga
D bimbang

13 _____kah mesyuarat yang dijadualkan pada pagi tadi ditangguhkan?

A Apa
B Berapa
C Mengapa
D Bagaimana

14 Orang ramai melihat bangkai ikan paus yang _____ di pantai itu.

A terlantar
B terdampar
C terletak
D terhampar

15 Abang sulung saya _____ berbahasa Jepun setelah empat tahun belajar di Negara Matahari Terbit itu.

A fasih
B cepat
C cekap
D cerdik

16 Petani tua itu akan terus mengusahakan sawahnya _____ terdaya.

A selagi
B semasa
C sehingga
D manakala

17 Murid-murid kelas Tingkatan Tiga Alfa akan _____ lawatan sambil belajar ke Melaka pada hari Sabtu nanti.

A melalui
B menyertai
C memasuki
D mendekati

18 "_____ mandi di sungai itu kerana airnya sangat dalam," kata Puan Suraya kepada anaknya.

A Tolong
B Sila
C Jangan
D Minta

19 Penduduk Taman Sepakat terdiri _____ berbilang bangsa.

A dari
B daripada
C oleh
D kepada

20 Zaim sering bermain hoki tetapi pelajaran tetap menjadi _____nya.

A kemajuan
B kemahuan
C keutamaan
D kepentingan

21 Kurator muzium itu _____ sejarah artifak yang berharga itu kepada para pengunjung.

A menerangi
B keterangan
C penerangan
D menerangkan

22 Para penyokong Skuad Tok Gajah _____ kesukaan apabila penyerang utama pasukan itu berjaya menjaringkan gol kemenangan.

A terkial-kial
B terlonjak-lonjak
C terkebil-kebil
D terlayang-layang

LIVEWORKSHEETS